

Urobase Sachet 4g for Oral Solution

Sodium Citrate Dihydrate 4g. Tanpa gula.

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Urobase
2. Bagaimana Urobase berfungsi
3. Sebelum menggunakan Urobase
4. Cara menggunakan Urobase
5. Semasa menggunakan Urobase
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

1. Apakah kegunaan Urobase

Urobase digunakan untuk melegakan gejala cystitis (keradangan pundi kencing) wanita.

2. Bagaimana Urobase berfungsi

Urobase berfungsi untuk meningkatkan pH di dalam sistem kencing. Oleh itu menjadikan air kencing anda kurang berasid.

Dengan mengekalkan air kencing beralkali, penyerapan batu asid urik lebih menyeluruh.

3. Sebelum menggunakan Urobase

-Bila tidak boleh menggunakan

Pesakit dengan kencing manis, penyakit jantung, tekanan darah tinggi, sejarah penyakit buah pinggang atau mereka yang mempunyai diet garam yang rendah.

Berbincanglah dengan doktor anda jika anda tidak pasti Urobase adalah sesuai untuk anda.

-Mengandung dan menyusukan anak

Dilarang mengambil jika mengandung dan menyusukan anak.

-Sebelum menggunakan

Beritahu doktor anda sebelum anda mula mengambil ubat ini:

- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang.
- Jika anda mempunyai masalah jantung.
- Jika anda berada di diet natrium yang rendah
- Jika anda mempunyai kencing manis atau/dan tekanan darah tinggi

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

4. Cara menggunakan Urobase

-Berapa banyak harus digunakan

Satu sachet tiga kali sehari atau seperti yang dipreskripsikan. Larutkan kandungan yang terdapat dalam satu sachet (4.1g) dalam 125 ml air (setengah gelas). Kacau dan minum terus.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hamper masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan

keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

5. Semasa menggunakan Urobase

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Urobase.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Urobase dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Seperti semua ubat-ubatan, Urobase boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapat mereka. Lawati doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

6. Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan bagi Urobase sachet ialah diuresis yang sederhana (kencing banyak).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my (Consumer → Reporting Side Effects to Medicines [ConSERF] or Vaccines [AEFI])

Urobase Sachet 4g for Oral Solution

Sodium Citrate Dihydrate 4g. Tanpa gula.

7. Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada sinaran matahari dan kelembapan.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

8. Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Serbuk putih berbutir untuk dilarutkan dalam air untuk menjadi larutan jernih.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif: *Sodium Citrate dihydrate*

Bahan-bahan lain: Perasa lemon, saccharin natrium, mannitol dan macrogol 6000.

-Nombor MAL

Urobase Sachet 4g for Oral Solution
MAL22026079X

9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

AV Manufacturing Sdn. Bhd.
Lot 10621, Jalan Permata 2, Arab
Malaysian Industrial Park, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan, Malaysia

10. Tarikh kemaskini RiMUP

2 Jul 2020

Nombor Siri
NPRA(R2) 19/213